

# Muhyiddin dijangka berdepa pertuduhan

Bekas PM  
dipercayai didakwa  
kes salah guna  
kuasa, perubahan  
wang haram

Oleh Faris Fuad, Ilah Hafiz  
Aziz dan Suraya Ali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dijangka berdepan enam pertuduhan, termasuk empat dipercayai membabitkan salah guna kuasa dan dua kesalahan perubahan wang haram di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini.

Pendakwaan terhadap bekas Perdana Menteri itu adalah di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan. Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFPUAA).

Seksyen 23 Akta SPRM 2009 adalah berkaitan menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam dan sekiranya disabitkan kesalahan, Seksyen 24 Akta yang sama mem-

peruntukan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Seksyen 4(1)(a) AMLATFA pula memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5 juta dan penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

## Pengesahan SPRM

Sumber SPRM ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan.

Muhyiddin akan menjadi bekas Perdana Menteri kedua selepas Datuk Seri Najib Razak berdepan pertuduhan mengikut peruntukan seksyen sama di mahkamah.

Terdahulu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) dan Ahli Parlimen Pagoh akan didakwa di mahkamah pagi ini.

“Esok (hari ini) beliau dijangka akan didakwa. Bukan hari ini (semalam),” katanya ketika dihubungi *BH*.

Pendakwaan dipercayai berkaitan kes salah guna dana awam program Jana Ekonomi Pemerkasaan Kontraktor Bumiputera Berwibawa (Jana Wibawa).

Pada 18 Februari lalu, Muhyi-



Muhyiddin tiba di luar pekarangan SPRM bagi memberi keterangan, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

ddin mengesahkan dipanggil SPRM untuk memberi keterangan mengenai Jana Wibawa sebagai saksi dan bukannya suspek.

Bagaimanapun, sehari kemudian SPRM mengesahkan bekas Perdana Menteri itu antara suspek yang disiasat berhubung kes berkenaan dan siasatan ke atasnya masih diteruskan.

SPRM sebelum ini membekukan akaun parti BERSATU dan beberapa individu termasuk Ketua Penerangan parti itu, Datuk Wan Saiful Wan Jan dan Timbalan Ketua Bahagian BERSATU Segambut, Adam Radian Adam Muhammad, didakwa di mahkamah berkaitan projek Jana Wibawa.

Wan Saiful didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 21 Februari atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah RM6.9 juta membabitkan projek Jana Wibawa bernilai RM232 juta pada tahun lalu.

## Ditahan selepas beri keterangan

**Putrajaya:** Tan Sri Muhyiddin Yassin ditahan jam 1 tengah hari semalam selepas hadir memberi keterangan di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan penyelewengan program Jana Wibawa.

Dalam kenyataan semalam, SPRM juga mengesahkan badan itu sudah mendapat izin mendakwa daripada Pejabat Peguam Negara bagi menuduh Muhyiddin di Mahkamah Kuala Lumpur hari ini.

Pada hari sama, Adam Radian dihadapkan di mahkamah sama atas dua pertuduhan termasuk menerima rasuah RM500,000 membabitkan projek Jana Wibawa.

Dia sekali lagi didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 22 Februari atas kesalahan menerima rasuah berjumlah RM4.1 juta berkaitan projek sama, disusuli pendakwaan kali ketiga pada 28 Februari berhubung projek Jana Wibawa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, atas pertuduhan meminta rasuah RM2 juta.

Pada 22 Februari juga, seorang pengarah syarikat perabot di Pagoh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, atas sembilan pertuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung program Jana Wibawa bernilai RM12.875 juta, sejak dua tahun lalu.

Jana Wibawa dilaksanakan ke-

tika pandemik COVID-19 dan ia adalah kesinambungan kepada Program Pembangunan Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa yang dimulakan pada 1993.

Pelaksanaannya diluluskan Jemaah Menteri pada 13 November 2020 ketika kerajaan ditadbir PN diterajui Muhyiddin.

Pagi semalam, Muhyiddin hadir Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya pada jam 11.15 pagi dengan menaiki kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Alphard menggunakan nombor pendaftaran JBM 2.

Muhyiddin dilihat berpakaian kemeja putih dan mengenakan suit hitam serta berseluar hitam.

Beliau turut diiringi sebuah lagi kenderaan, dipercayai membawa barisan peguam diketuai Datuk K Kumaraendran.

Keadaan sesak di luar bangunan SPRM apabila beliau dikerumuni lebih 700 penyokong dan petugas media.

Antara pemimpin PN yang hadir ialah Timbalan Presiden BERSATU, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainudin; Wan Saiful; Ketua Penerangan PN, Datuk Seri Azmin Ali; Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dan Ketua Srikandi BERSATU, Datuk Seri Rina Harun.